

# Projek kesihatan YSB perlu RM500,000

**ALOR SETAR** - Sebanyak RM500,000 diperlukan bagi memastikan kelangsungan projek-projek kesihatan di bawah Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) pada tahun ini.

Pengerusi YSB, Tan Sri Tunku Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim berkata, jumlah itu diperlukan bagi menjayakan kesemua projek kesihatan yang dirancang YSB antaranya Pusat Rawatan Hemodialisis Tunku Sarina dan Pusat Dialisis National Kidney Foundation-YSB yang baharu di Kulim.

“(Pusat itu) Masing-masing dilengkapi dengan 12 mesin rawatan. Selain itu, pemeriksaan mata percuma dan pemeriksaan kesihatan turut disediakan yayasan selain bas bergerak untuk menderma darah,” katanya pada majlis perasmian Karnival Amal Hari Penyayang 2016 di Stadium Darul Aman, semalam.

YSB merupakan sebuah organisasi amal yang mempunyai dua peranan utama iaitu sebagai ejen perubahan dalam kerja-kerja kemasyarakatan melalui pendidikan, pembangunan komuniti, kesihatan, remaja dan belia serta inisiatif

latihan.

Tunku Puteri Intan Safinaz yang juga Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah berkata, bagi memperoleh dana untuk menampung kos projek kesihatan tersebut, Karnival Amal Hari Penyayang 2016 telah diadakan dengan objektif untuk mengumpul dana kewangan bagi membiayai projek-projek kesihatan di bawah YSB.

Hadir sama, Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah dan Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Abdul Hamid Thani Ibni Alhmarhum Sultan Badlishah.

Sementara itu, dalam acara lelongan amal yang dikendalikan Ahli Lembaga Amanah YSB, Datuk Nasir Mustafa bersama anggota kumpulan Senario, Lan Pet Pet berjaya mengumpul dana RM500,000 hasil lelongan 18 barangan termasuk potret Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah. - Bernama